

Perutusan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2025
“International Day of Families 2025”

1. Hari Keluarga Antarabangsa yang disambut pada **15 Mei** setiap tahun merupakan satu inisiatif global yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan peranan penting institusi keluarga dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya sesebuah negara. Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam turut menyambut Hari Keluarga Antarabangsa setiap tahun sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap kepentingan institusi keluarga.
2. Tema Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun 2025 ini ialah **“Dasar Berorientasikan Keluarga untuk Pembangunan Mampan: Ke Arah Sidang Kemuncak Ke-2 untuk Pembangunan Sosial 2025”** (*Family-oriented Policies for Sustainable Development: Towards the Second World Summit for Social Development 2025*).
3. Institusi keluarga yang kukuh adalah penting dalam mendukung pencapaian **Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Kedua** iaitu **Kualiti Kehidupan Yang Tinggi**, yang mana **Memperkasa Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan** telah dikenalpasti sebagai **Aspirasi 2** dibawah **Social Blueprint**, yang menekankan pentingnya institusi keluarga sebagai salah satu teras utama dalam membentuk masyarakat yang sejahtera.
4. Oleh itu, kita hendaklah berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga dan memastikan **kesejahteraan keluarga kekal sebagai teras dalam perancangan pembangunan mampan negara**. Ini juga akan menyokong hasrat untuk **membentuk masyarakat Brunei yang berdaya tahan** dalam menghadapi cabaran masa hadapan.
5. Setiap keluarga akan setentunya berdepan dengan **realiti kehidupan yang semakin mencabar dan kompleks**, seperti isu sosial dan tekanan ekonomi. **Dengan keluarga lah kita sebagai seorang individu mempunyai sokongan, dan bersama keluarga kita merasai setiap detik suka dan duka. Dan institusi keluarga merupakan salah satu landasan utama pembentukan identiti, nilai dan jati diri seseorang individu.**
6. Alhamdulillah, **pelbagai usaha** demi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesejahteraan keluarga telah dan sedang giat diteruskan oleh pelbagai pihak di Negara Brunei Darussalam. Salah satu inisiatif utama adalah melalui **Hari Keluarga Kebangsaan (HKK)** yang disambut setiap tahun, pada setiap hari Ahad pertama dalam bulan Mei semenjak tahun 2012. Pada tahun ini, sambutan diadakan pada 4hb Mei 2025 dengan Tema “Keluargaku Harapanku”, dan Fokus “Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-menayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; Pemedulian”.
7. Pada tahun 2024, kita telah melihat sokongan pelbagai pihak dalam melaksanakan beberapa aktiviti bersempena Hari Keluarga Kebangsaan, di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampong, mahupun dalam organisasi, persatuan, komuniti, yang telah memberikan **ruang bagi mengeratkan ikatan keluarga (family bonding)**. Sebagai contoh:
 - a. Santai Keluarga Harmoni, dengan kerjasama BIBD

- b. Discover UBD Challenge
 - c. Karnival Hari Keluarga, anjuran Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait
 - d. Forum Perdana Memperkasa Institusi Kekeluargaan Sempena HKK 2024, anjuran Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong
 - e. Temburong Bisai Edisi 2024 Edisi Hari keluarga Kebangsaan 2024
 - f. Big Kem Family Run, anjuran The Big Kem Project
 - g. Persembahan "Baby Shark: The Hidden Treasure" Sempena HKK 2024, anjuran Top-Bins Event Management
8. Adalah diharapkan agar semua pihak sama ada dari agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, institusi-institusi, penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi **akan terus memberikan komitmen dan kerjasama senegara**, khususnya dalam menjayakan pelaksanaan acara-acara sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.
9. Insya'Allah tahun ini, **Pelan Tindakan Institusi Keluarga (2025-2029)** akan dilancarkan. Antara lain, Pelan Tindakan ini akan mengetengahkan strategi dan program yang akan dilaksanakan secara senegara (*Whole of Nation*) kearah mendukung objektif memupuk budaya kekeluargaan, menambahbaik sokongan jaminan sosial yang lebih mampan dan berimpak melalui intervensi yang lebih fokus kepada tahap kehidupan keluarga, termasuk golongan yang berisiko, dan akan memperkenalkan konsep kedayatahanan keluarga (*family resilience*).
10. Institusi keluarga menjadi asas penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi serta sistem sokongan utama individu. **Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei** adalah asas pembentukan masyarakat yang sejahtera. Marilah kita sama-sama "**Sayang-menayangi, Bertanggungjawab, Hormat-Menghormati, dan Memeduli**" setiap ahli keluarga kita.
11. Insya Allah, dengan usaha serta kerjasama yang berterusan daripada semua pihak, marilah kita berdoa ke Hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'alaa, agar negara ini terus maju dalam suasana yang aman dan makmur, rukun damai demi Raja, Negara, Bangsa dan Ugama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'alaa sebagai keluarga yang hidup bahagia-negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur.

***Selamat Hari Keluarga Antarabangsa 2025 kepada semua keluarga di
Negara Brunei Darussalam.***

***"Nilai-nilai Kekeluargaan Brunei:
Sayang-menayangi, Tanggungjawab, Hormat-Menghormati, Pemedulian"***